


Isi tempat kosong dengan nilai yang betul.

Latihan 2.1(a): Penyelesaian masalah melibatkan jarak, sesaran, laju, halaju, pecutan dan nyahpecutan.

|  |  |
|--|--|
| <p>(1) Seorang budak mengayuh basikal sejauh 2 km dari rumahnya menuju ke sebuah kedai. Selepas itu, dia balik dan dalam perjalanan balik, dia berhenti di sebuah warung yang berada sejauh 1.2 km dari rumahnya. Berapakah</p> <p>(a) Jumlah jarak budak itu mengayuh basikal dari rumah ke warung.<br/>     (b) Jumlah sesaran budak itu mengayuh basikal dari rumah ke warung.</p>  | <p>Penyelesaian:</p> <p>a) Jumlah jarak = _____ km<br/>     b) jumlah sesaran<br/>     = _____ km</p>  |
| <p>(2) Seorang pelari 400 m mengambil masa 1 minit 12 saat untuk menamatkan lariannya. Tentukan laju puratanya.</p>  | <p>Penyelesaian:</p> <p><math>\text{Laju purata} = \frac{\text{Jarak (m)}}{\text{masa (s)}}</math><br/>     = _____ <math>\text{ms}^{-1}</math></p>  |
| <p>(3) Seorang peserta acara jalan kaki bermula dari titik P ke Q ke arah timur sejauh 500 m dan kemudiannya ke utara menuju R sejauh 1200 m lagi. Jumlah masa yang diambil untuk bergerak dari P ke R adalah 3 minit 20 saat. Tentukan</p> <p>(a) Jumlah jarak<br/>     (b) Sesaran<br/>     (c) Laju purata<br/>     (d) Halaju purata</p>  | <p>Penyelesaian:</p> <p>a) Jumlah jarak = _____ m<br/>     b) Sesaran = _____ m<br/>     c) laju purata = _____ = _____ <math>\text{ms}^{-1}</math><br/>     d) halaju purata = _____ = _____ <math>\text{ms}^{-1}</math></p>  |
| <p>(4) Sebuah kereta bermula dari keadaan pegun dan memecut secara seragam supaya mencapai halaju <math>40 \text{ ms}^{-1}</math> dalam masa 10 saat. Kemudian kereta itu memperlahangkan keretanya dan selepas 5 saat, kereta itu berhenti. Tentukan</p> <p>(a) Pecutan kereta pada 10 saat pertama<br/>     (b) Pecutan kereta 5 saat berikutnya.</p>  | <p>Penyelesaian:</p> <p><math>u = \text{ms}^{-1}</math> <math>v = \text{ms}^{-1}</math> <math>t = \text{s}</math></p> <p>(a) <math>a = \frac{v-u}{t} = \text{ms}^{-2}</math></p> <p>(b) <math>u = \text{ms}^{-1}</math> <math>v = \text{ms}^{-1}</math> <math>t = \text{s}</math><br/> <math>a = \frac{v-u}{t} = \text{ms}^{-2}</math></p> |